

Bukan Bumiputera tidak minat sertai APM

Berita Harian (Nasional) 8/11/2021. (Isnin) n/s: 20

Kuantan: Penyertaan kaum bukan Bumiputera dalam Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) masih rendah iaitu kurang daripada lima peratus daripada 6,090 penuntut yang ditauliahkan.

Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam (APM), Datuk Roslan Wahab, berkata faktor utama golongan itu kurang berminat menyertai badan itu adalah disebabkan kurang pendedahan mengenai APM.

Beliau berkata, setakat ini, sebanyak 96 peratus hingga 97 peratus penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara yang menyertai Kor SISPA adalah penuntut Melayu dan Bumiputera.

"Kita akui bilangan kaum bukan Bumiputera terbabit dengan APM masih rendah, namun sebagai langkah menanganinya kita melantik 30 hingga 40 peratus pegawai bersekutu dalam kalangan bukan Bumiputera.

"Kita berharap pegawai bersekutu yang dilantik dapat menarik mahasiswa dan mahasiswi bukan Bumiputera menyertai APM. Kita memerlukan mereka untuk



Mastura bergambar bersama penerima Anugerah Pegawai Kadet SISPA Terbaik pada Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Ke-12 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, semalam.

(Foto BERNAMA)

membantu khususnya ketika menghadapi bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pentauliah dan Perhimpunan Kebangsaan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Ke-12 di **Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang**, di sini, semalam.

Majlis berkenaan dirasmikan Timbalan Menteri di Jabatan Per-

dana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datuk Mastura Mohd Yazid.

Yang hadir sama, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Yusserrie Zainuddin dan Pengarah APM Pahang, Che Adam Abdul Rahman.

Seramai 870 pegawai kadet Kor SISPA daripada 24 IPT dan sebuah Institusi Pendidikan Guru menerima pentauliah sebagai

Leftenan Muda.

Sementara itu, Mastura berkata, Kor SISPA adalah satu platform dalam membina karakter diri mahasiswa dan mahasiswi.

"APM kini diiktiraf dan diberi tanggungjawab besar dengan menjadi agensi tonggak dalam inisiatif pengurusan pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti," katanya.